

Semangat Gedung Kuning

“Walaupun rumah itu bukan milik keluarga saya lagi, jiwa kami masih di situ.”

— Haji Abdullah Jofri (bawah), yang tetap gembira melihat ciri asal bangunan rumah itu dikekalkan termasuk warnanya.

HIDUP di sebuah villa seperti Gedung Kuning yang kaya nilai sejarah tidak semestinya mencerminkan kemewahan penghuninya. Sebab itulah apabila Haji Abdullah Jofri dan keluarganya terpaksa meninggalkan gedung yang telah didiami mereka sejak tiga keturunan itu — untuk memberi laluan kepada pembangunan Taman Warisan Melayu pada 1999 — mereka mudah menyesuaikan hidup dalam sekitaran sederhana.

Haji Abdullah sedikit pun tidak kekok biarpun terpaksa berpindah ke rumah yang jauh lebih kecil, flat tiga bilik di Ang Mo Kio, yang hanya dapat memampung keluarganya satu kelamin.

“Walaupun di kawasan Kampong Gelam keluarga saya disifatkan agak mewah kerana mehetap di rumah gedung, kami tidak rasa seperti orang berada atau terpisah daripada orang kampung sekitaran.

“Memang arwah nenek selalu ber-

pesan agar anak-anak dan cucunya selalu hormatkan orang, tak kira pangkat. Kalau kita tak pandai hormat orang, tentu siapa pun tak hormat kita sekalipun kita tinggal di rumah besar,” singkap Haji Abdullah ketika ditemui wartawan baru-baru ini.

Atas dasar sikap itulah, hubungan mereka dengan penghuni lain di sekitaran Bussorah Street, Istana Kampong Gelam, Kandahar Street dan Pahang Street boleh dikatakan mesra.

Kemesraan itu timbul mungkin kerana mereka selalu mengundang orang kampung untuk sama-sama bertahlil setiap malam Hari Raya.

“Menganjurkan majlis tahlil seperti ini memang telah diwasiatkan oleh arwah datuk saya. Secara tak Langeung, ia

merapatkan hubungan kami dengan orang kampung. Jadi, apabila kami terpaksa berpindah ke rumah lebih kecil, kami tidak terperanjat atau rasa kekok,” kata Haji Abdullah, 71 tahun.

Bahkan, beliau sendiri yang menziarahi jiran-jirannya satu persatu untuk menyampaikan undangan tersebut, bukan setakat menggunakan telefon.

Gedung Kuning yang dibina lebih 80 tahun lalu itu menjadi kediaman anggota keluarga Encik Abdullah sejak ia dibeli arwah datuknya, Allahyarham Haji Yusoff Haji Mohd Noor, seorang peniaga baldi dan tali pinggang yang terkenal dengan panggilan ‘Haji Yusoff Tali Pinggang’.

Selain Haji Jofri, adik beradik dan ipar duainya seperti Cik Asiah Haji Jofri dan suaminya, Encik Md Amin Haji Hussin; Encik Abdul Latiff Haji Jofri, Encik Lawi Jofri dan isterinya, Cik Hamidah Anwar, turut menetap di situ sehingga akhir 90-an.

Mereka berpindah dari banglo ter-

sebut apabila ia diambil alih pemerintah dalam 1999. Ia telah dibaik pulih dengan kos \$2.1 juta dan kini menempatkan Restoran Tepak Sireh.

Menurut Haji Abdullah, pada waktu-waktu tertentu, Gedung Kuning dihuni sehingga 60 anggota keluarganya. Mereka mempunyai empat orang gaji yang berketurunan Jawa, Bawean dan Melayu.

“Bahkan dengan orang gaji pun, sikap saling hormat menghormati itu kami pegang,” ujarnya.

Apabila ditanya perasaannya melihat Gedung Kuning sekarang dijadikan sebuah restoran Melayu, Haji Jofri berkata beliau gembira kerana apa pun peranannya sekarang, ciri asal bangunan rumah itu masih dikekalkan termasuk warnanya.

“Walaupun rumah itu bukan milik keluarga saya lagi, jiwa kami masih di situ,” ujarnya.



bersama Hanim Mohd Saleh dengan kerjasama Taman Warisan Melayu
hanim@sph.com.sg

Mahu jadi ‘Teman Taman Warisan’?

SEJAK Yayasan Warisan Melayu ditubuhkan dalam 1999, hampir semua anggota jawatankuasa Yayasan ini disokong wakil-wakil masyarakat yang membahagikan masa sebagai sukarelawan.

Ini termasuk mereka yang berjaya dari segi akademik, budaya dan kerjaya. Salah seorang daripada mereka ialah Haji Muhammad Ariff Ahmad yang semantiasa memberi nasihat dan kepakaran dalam isu-isu berunsur budaya.

Selain budaya, terdapat banyakk lagi aspek-aspek yang merangkumi Taman Warisan Melayu.

Kerja pemuliharaan bangunan Istana yang berdiri megah kini tidak dapat dilaksanakan tanpa pertolongan daripada anggota jawatankuasa Prasarana dan Teknikal.

Salah seorang anggotanya yang masih lagi menyumbangkan masa ialah Cik Siti Habibah Siraj, arkitek daripada SZ Partnership.

Kebolehan beliau untuk memberi tujuan kepada jawatankuasa ini telah membolehkan projek ini bergerak dengan lancar dari segi fizikal.

Yayasan kini sedang berusaha membentuk sekumpulan sukarelawan aktif sebagai Teman Taman Warisan.

Sudikah anda menjadi teman kami? Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Cik Mastina menerusi telefon 6332-9274 atau e-mel masrina@malayheritage.org.sg

